

PERSEPSI MASYARAKAT KADAZANDUSUN TERHADAP ISU-ISU SENSITIVITI AGAMA DI SABAH: SATU KAJIAN RINTIS

Nur Azian Aratin*, Nur Farhana Abdul Rahman & Yusri Mohamad Ramli

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
nurazianaratin0302@gmail.com *

ABSTRACT

The issues of religious sensitivity are the most important issues that need attention because they have a direct impact on the good relations already formed among the religious community in Sabah. Therefore, it is important to expose the public to religious issues that can touch the religious sensitivities of every religious believer in Sabah so that the sensitivities of every religion are always respected. Thus, this study was conducted to analyze the issues of religious sensitivity according to the perception of Muslims and Christians, especially among the Kadazandusun ethnic group in Sabah. This study uses the Quantitative method, which is by distributing questionnaires to 40 respondents who have been determined for the purpose of conducting a pilot study. The results of the preliminary study found that followers of the Muslim religion are most sensitive when their religious symbols are disturbed by followers of other religions. Whereas Christians are most sensitive to the issue of insulting religion through social media. This study also found that there is little difference in religious sensitivity issues according to the perception of Muslims and Christians in Sabah. The writing of this study is able to provide early exposure to the public, especially those who are not from the state of Sabah, regarding religious issues that can touch the sensitivities of Muslims and Christians in Sabah if they are raised.

Keywords: Religious issues, religious sensitivity, Muslims, Christians, Kadazandusun Ethnicity

ABSTRAK

Isu-isu sensitiviti agama merupakan antara isu penting yang perlu diberi perhatian kerana ia memberi kesan secara langsung terhadap hubungan baik yang sedia terbentuk dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah. Oleh itu, pentingnya pendedahan kepada masyarakat awam terhadap isu-isu agama yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan bagi setiap penganut agama di Sabah agar sensitiviti setiap agama sentiasa dihormati. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis isu-isu sensitiviti agama menurut persepsi penganut agama Islam dan Kristian khususnya dalam kalangan etnik Kadazandusun di Sabah. Kajian ini menggunakan metode Kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 40 orang responden yang telah ditetapkan bagi tujuan perlaksanaan kajian rintis. Hasil kajian mendapat bahawa penganut yang beragama Islam paling sensitif apabila simbol agamanya diganggu gugat oleh penganut agama lain. Sedangkan penganut yang beragama Kristian paling sensitif terhadap isu penghinaan agama menerusi media sosial. Kajian ini turut mendapat bahawa terdapat sedikit perbezaan terhadap isu-isu sensitiviti agama menurut persepsi penganut agama Islam dan Kristian di Sabah. Penulisan kajian ini mampu memberikan pendedahan awal kepada masyarakat awam khususnya mereka yang bukan berasal dari negeri Sabah berkenaan isu-isu keagamaan yang boleh menyentuh sensitiviti penganut agama Islam dan Kristian di Sabah jika ia dibangkitkan.

Kata kunci: Isu-isu keagamaan, sensitiviti agama, Muslim, Kristian, Etnik Kadazandusun

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara serta kaya dengan kepelbagaian budaya, bangsa, agama dan kepercayaan yang berbeza-beza. Dalam Malaysia terdapat 13 buah negeri dan tiga wilayah persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Malah terdapat dua buah negeri yang terletak di Pulau Borneo iaitu negeri Sabah dan Sarawak. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya memilih negeri Sabah sebagai lokasi perlaksanaan kajian. Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya, etnik, suku kaum, adat, agama dan kepercayaan yang berbeza-beza. Komposisi memperlihatkan bahawa negeri Sabah memiliki lebih kurang 33 etnik peribumi yang bertutur dalam 50 bahasa dan 80 dialek etnik yang berlainan (Jasni 2015: 5). Etnik majoriti dalam negeri Sabah adalah etnik Kadazandusun, Bajau, Murut. Manakala etnik minoriti pula adalah etnik Bisaya, Orang Sungai, Iranun, Kedayan, Suluk dan beberapa etnik lain (Katayya & Paul 2012). Namun etnik terbesar dalam komuniti peribumi Sabah adalah etnik Kadazandusun (Suraya Sintang 2003: 65) yang jumlahnya seramai 660 777 daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Sabah 3,418.8 (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Sebelum kedatangan Islam ke Sabah pada abad ke-15 masihi, etnik Kadazandusun mengamalkan kehidupan animisme iaitu percaya kepada roh atau semangat yang terdapat di sekeliling sama ada hutan, sungai dan pokok kerana mereka mempercayai bahawa unsur-unsur tersebut mempunyai kuasa (Ismail Hamid & Wan Hashim 1998: 43). Identiti agama yang dianuti oleh etnik Kadazandusun ini juga agak sukar ditentukan disebabkan timbul kekeliruan yang mana etnik ini bukan sahaja diidentitikan sebagai bumiputera bukan Islam, malah etnik ini turut digelar sebagai Islam mualaf dalam konteks sejarah perkembangan dakwah Sabah. Bahkan sehingga kini masih terdapat segelintir masyarakat daripada etnik Kadazandusun yang tidak mempunyai pegangan agama (pagan). Fenomena tersebut jelas memperlihatkan bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai satu keunikan dalam penganutan agama. Keunikan etnik ini dicorakkan lagi dengan kecenderungan mereka untuk menganuti agama Islam dan Kristian sahaja. Etnik ini juga pernah menjadi sasaran utama penyebaran ajaran agama Kristian oleh pihak penjajah Barat sewaktu zaman penguasaan mereka ke atas negeri Sabah disebabkan komposisi terbesar etnik ini serta kedudukan kawasan penempatan etnik ini yang terletak di kawasan pedalaman dan tanah tinggi yang memerlukan kenderaan bersesuaian untuk sampai ke kawasan mereka. Disebabkan hal tersebut ajaran agama Kristian lebih dahulu sampai kepada masyarakat Kadazandusun berbanding ajaran agama lain disebabkan pihak penjajah Barat memiliki segala keperluan seperti kenderaan untuk sampai ke kawasan penempatan mereka. Hal tersebut secara tidak langsung menyebabkan jumlah penganut agama Kristian lebih ramai berbanding penganut agama Islam dalam kalangan etnik ini ketika zaman penguasaan Barat ke atas negeri Sabah pada zaman pemerintahan Barat (Muhiddin Yusin 1990).

Sungguhpun kepelbagaian agama telah wujud dalam kehidupan masyarakat etnik Kadazandusun di Sabah, namun masyarakatnya tetap hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini berlaku disebabkan masyarakat Kadazandusun di Sabah disatukan dengan pengamalan adat dan budaya yang sama sehingga status pegangan agama yang berbeza tidak menjadi penghalang buat mereka untuk hidup secara aman dan harmoni. Namun tidak dinafikan tetap berlakunya kekeliruan dan salah faham dalam memahami isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan di Sabah. Buktinya, terdapat beberapa isu-isu keagamaan yang berbangkit di Sabah yang dipaparkan menerusi media sosial melibatkan isu teologi, isu etika dan juga isu sosial. Antaranya, isu teologi melibatkan isu pembinaan Patung Dewi Laut Ma Tzu di Kudat yang telah mencetuskan

kontroversi dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut disebabkan lokasi tapak pembinaan yang dicadangkan berhampiran dengan masjid (Anon 2010). Seterusnya isu etika melibatkan isu penghinaan agama Islam dan Kristian menerusi akaun *Facebook* (Sinar Harian 2019), tindakan memuat naik gambar berunsur penghinaan terhadap nabi Muhamad SAW (Harakahdaily 2019), isu pencerobohan gereja Katedral St. Francis Xavier di Keningau oleh seorang lelaki berusia 34 tahun sehingga menyebabkan kerosakan ke atas beberapa barang-barang termasuklah peralatan sembayang (Abdul Hafiz Mustadi 2022), Manakala isu sosial melibatkan isu pengasingan troli yang berbangkit di Pasaraya Bataras Keningau disebabkan tindakan pihak pengurus Pasaraya tersebut yang tidak mengasingkan troli barang selepas berlakunya penjualan daging basah tidak halal (Yap Siong Han 2021) serta isu bantahan terhadap perlaksanaan sambutan Krismas dan tahun baru yang diadakan di Tawau, Sabah oleh parti PAS pada tahun 2019 mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama Kristian di Sabah (Anon 2019).

Melihat kepada isu-isu keagamaan yang berbangkit di Sabah menerusi media sosial ini, pengkaji merasakan penting untuk menjalankan kajian terhadap isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan di Sabah. Hal ini kerana, sensitiviti setiap agama adalah berbeza-beza (Nazmi et. al 2016). Kefahaman tersebut meliputi aspek yang dibolehkan dan tidak dibolehkan dalam sesbuah agama ataupun perkara yang menganggu dan tidak mengganggu perasaan setiap penganut agama. Hal ini sebagai panduan apabila berlaku interaksi yang melibatkan dua atau lebih agama dalam menyelesaikan permasalahan atau konflik yang berbangkit kerana kegagalan dalam memahami sensitiviti agama lain mampu menimbulkan isu-isu dan konflik mendatang dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian ini perlu dijalankan ke atas masyarakat Sabah bagi mengetahui isu yang sensitif menurut persepsi penganut agama Islam dan Kristian di Sabah agar hak setiap penganut agama sentiasa dihormati. Namun kajian ini hanya difokuskan kepada etnik Kadazandusun sahaja, memandangkan etnik ini mempunyai komposisi terbesar di Sabah serta merupakan penduduk peribumi asli Sabah sejak dahulu (Dayu Sansalu 2008: 29).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan diedarkan kepada 40 orang responden. Menurut Chua Yan Piaw (2005) jumlah responden minimum bagi kajian rintis adalah seramai 30 orang responden. Oleh itu, pengkaji memilih seramai 40 orang responden sebagai responden kajian rintis ini yang terdiri daripada 20 orang responden Muslim dan 20 orang responden Kristian. Responden yang dipilih bagi kajian rintis ini adalah responden yang berusia 18 tahun ke atas. Data kajian rintis yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23.0. Data yang diperolehi melalui kajian rintis ini kemudian dianalisis menggunakan data statistik deskriptif melalui pencarian frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawaian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini akan dibincangkan mengenai hasil dapatan kajian. Perbincangan kajian dalam bahagian ini meliputi aspek-aspek berikut; i] Ujian kebolehpercayaan kajian rintis; ii] Persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim terhadap isu-isu keagamaan; iii] Persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian terhadap isu-isu keagamaan; iv] Perbezaan isu-isu sensitiviti agama menurut penganut agama Islam dan Kristian di Sabah

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kajian percubaan yang bertujuan untuk melihat kebolehlaksanaan sesuatu kajian untuk dijalankan bagi mendapatkan gambaran kajian sebenar. Kajian rintis perlu dijalankan mengikut kaedah kajian dan jumlah responden kajian rintis minimum 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek kajian sebenar (Chua Yan Piaw 2011: 288). Menurut Chua Yan Piaw (2011: 42). Kajian ini menggunakan konsintensi dalam, ukuran Cronbach Alpha bagi mengukur kebolehpercayaan instrument kajian. Chua Yan Piaw (2011: 127) menyatakan instrumen yang mencatatkan nilai pekali korelasi antara 0.65 sehingga 0.96 mempunyai kebolehpercayaan yang memuaskan dalam item-item tersebut dan boleh diutarakan dalam kajian. Berikut merupakan nilai yang digunakan dalam mengukur kebolehpercayaan sesuatu kajian:

Interprestasi Cronbach Alpha	
Nilai Cronbach Alpha	Interprestasi Nilai
0.96-1.0	Kurang Memuaskan
0.80-0.95	Tinggi & Memuaskan
0.65-0.79	Memuaskan
0.50-0.64	Rendah & Kurang Memuaskan
< 0.50	Terlalu Rendah & Tidak Memuaskan

Sumber: Chua Yan Piaw 2012

Soal selidik kajian ini telah diedarkan secara fizikal kepada para responden pada 18 Mac 2023. Maklum balas dalam responden kajian kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian SPSS. Hasil analisis kajian menunjukkan, konstruk isu-isu sensitif agama yang terdapat dalam soalan soal selidik mencatatkan nilai Cronbach Alpha 0.849. Berdasarkan jadual interprestasi Cronbach Alpha di atas menunjukkan konstruk soalan bagi isu-isu sensitif agama adalah tinggi dan memuaskan. Hal ini menunjukkan kesemua item soalan yang telah diuji boleh diterima dan diteruskan untuk kajian sebenar.

Persepsi Masyarakat Kadazandusun Muslim Terhadap Isu-Isu Sensitif Agama

Bahagian ini membincangkan tentang hasil analisis terhadap soal selidik terhadap item isu-isu keagamaan menurut persepsi penganut agama Islam dalam kalangan etnik Kadazandusun di Sabah. Isu-isu keagamaan dalam bahagian akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; i] Isu-isu Teologi; ii] Isu-isu Eтика; iii] Isu-isu Sosial dan; iii] Isu-isu etika. Soalan ini diuji bagi mengenalpasti isu yang dianggap paling sensitif dan tidak sensitif oleh masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah. Bagi menentukan isu yang dianggap paling sensitif buat masyarakat adalah dengan melihat jumlah min yang paling tinggi berdasarkan item-item yang terdapat dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Isu-isu Teologi

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Tindakan menukar agama disebabkan oleh Perkahwinan	1(5)	3(15)	4(20)	5(25)	7(35)	3.7	1.261
2	Tindakan menghina dan mempersendakan kitab suci mana-mana agama	1(5)	1(5)	-	1(5)	17(85)	4.80	1.095
3	Tindakan mengganggu simbol agama	-	-	3(15)	17(85)	-	4.85	0.366

4	Tindakan merahsiakan pertukaran agama	1(5)	2(10)	2(10)	2(10)	13(65)	4.20	1.281
---	---------------------------------------	------	-------	-------	-------	--------	------	-------

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual 2 di atas, isu teologi yang paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah adalah isu simbol agama diganggu gugat oleh penganut agama lain yang terletak pada item ke-3 dalam jadual kerana mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu 3.85. Kebangkitan isu ini dilihat menerusi tindakan seorang pelawak wanita mengaku hafal al-Quran lalu menanggalkan pakaianya di hadapan pentas sebagai content. Tindakan ini dilihat sebagai satu penghinaan terhadap agama Islam kerana menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama Islam (Hafizal Mahat 2023). Selain itu, terdapat juga isu penghinaan laungan azan serta penghinaan masjid yang dilakukan oleh seorang wanita berusia 26 Tahun yang berasal dari Tawau, Sabah menerusi akaun *Facebooknya*. Kes ini telah diambil tindakan oleh pihak polis kerana boleh menyebabkan berlakunya perpecahan antara kaum dan agama di Sabah (Dewi Nur Harasha Alias 2021). Berdasarkan kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam amat sensitif apabila simbol agama mereka diganggu gugat oleh penganut agama lain.

Manakala isu yang paling tidak sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah adalah isu pertukaran agama disebabkan oleh perkahwinan yang terletak pada item 1. Isu ini dianggap paling tidak sensitif kerana mencatatkan nilai min paling rendah dalam jadual di atas. Perkahwinan campur antara agama merupakan perkara biasa yang berlaku di Sabah dan merupakan faktor pembentukan hubungan baik dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah. Perkahwinan campur antara agama ini turut membentuk hubungan kekeluargaan yang mempunyai pelbagai anutan agama di Sabah (Budi Anto & Saidatul Nornis 2020: 101-102). Isu ini tidak sensitif bagi masyarakat Islam di Sabah kerana perkahwinan campur antara agama yang melibatkan mana-mana pasangan yang beragama Islam hendaklah menjadikan Islam sebagai agama yang dianuti selepas berkahwin. Hal ini secara tidak langsung menambah jumlah penganut agama Islam di Sabah (Nur Azian 2021).

Jadual 3: Isu-isu Etika

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Tindakan menghina mana-mana agama menerusi media sosial	-	1(5)	3(15)	3(15)	12(60)	4.85	0.733
2	Perbuatan menuntut mayat penganut agama untuk diuruskan mengikut agama lain	2(10)	3(15)	-	3(15)	12(60)	4.25	1.070
3	Perlaksanaan adat & budaya kaum yang bercanggah dengan ajaran agama	1(5)	2(10)	2(10)	2(10)	13(65)	4.45	0.999
4	Hak penjagaan anak diberikan kepada pasangan yang menukar agama sebab bercerai	1(5)	1(5)	3(15)	5(25)	10(50)	4.10	1.165

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual di atas, isu etika paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah adalah isu menghina agama yang terletak pada item ke-3 dalam jadual di atas. Isu ini dianggap paling sensitif kerana telah mencatatkan nilai min tertinggi. Isu mempersendakan ajaran agama ini juga pernah berlaku sebagaimana yang telah dipaparkan menerusi media sosial bahawa remaja sekarang semakin berani bergurau menggunakan nama Allah, nabi dan malaikat menerusi aplikasi Twitter (Nur Mohammad Hadi 2020). Isu ini sensitif kerana perbuatan tersebut mampu merosakkan akidah umat Islam. Manakala isu paling tidak sensitif menurut persepsi masyarakat etnik Kadazandusun di Sabah adalah isu perlaksanaan adat dan budaya yang bercanggah dengan ajaran agama yang terletak pada item ke-6 dalam jadual di atas. Isu ini tidak sensitif bagi masyarakat Kadazandusun di Sabah kerana mereka berkongsi budaya serta adat yang sama (Sharifah Darmia 2020). Di samping itu, adat yang diamalkan melambangkan identiti satu-satu etnik tersebut.

Jadual 4: Isu-isu Sosial

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Perbuatan bekerja di restoran yang menyediakan hidangan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama	2(10)	-	3(15)	6(30)	9(45)	4.0	1.257
2	Diundang untuk mengikuti jamuan yang menyajikan makanan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama	1(5)	3(15)	6(30)	6(30)	4(20)	3.45	1.146
3	Kewujudan rumah ibadat agama lain di kawasan tempat tinggal	6(30)	7(35)	5(25)	1(5)	1(5)	2.20	1.105
4	Percampuran troli barang di Pasaraya yang menjual bahan mentah halal dan tidak halal	1(5)	-	2(10)	7(35)	10(50)	4.25	1.020

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual 4 di atas, isu sosial paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah melibatkan isu pengasingan troli barang di Pasaraya yang menjual daging tidak halal yang terletak pada item ke-4. Isu ini dikira sebagai isu paling sensitif disebabkan ia mencatatkan min paling tinggi dalam jadual di atas. Berkenaan dengan isu ini pernah dibangkit di Alor Setar agar berlakunya perlaksanaan pengasingan troli barang disebabkan menerima aduan daripada pengguna yang berasa tidak selesa apabila melihat barang tidak halal diletakkan dalam troli sebelum pengguna lain meletakkan barang yang halal (Nurul Hidayah Hamid 2019). Isu ini juga pernah dibangkitkan di Sabah apabila berlakunya penjualan daging non-halal di Pasaraya Bataras Keningau, namun pengasingan troli barang tidak dilakukan sehingga seorang daripada pelanggan mencadangkan agar pengasingan troli barang tersebut dijalankan. Isu ini telah pun diselesaikan dengan cara yang baik oleh pihak pengurusan Pasaraya tersebut (Norazlinah 2021). Berdasarkan isu-isu berbangkit jelas menunjukkan bahawa sensitiviti semua agama perlu dihormati oleh semua pihak termasuklah dalam perkara yang melibatkan keselesaan pengguna.

Manakala isu sosial paling tidak sensitif bagi masyarakat Kadazandusun Muslim di Sabah melibatkan isu kewujudan rumah ibadat agama lain di kawasan tempat tinggal yang terletak pada item ke-3. Isu ini dianggap paling tidak sensitif kerana nilai min paling rendah dicatatkan bagi isu ini berdasarkan jadual di atas. Masyarakat Sabah tidak merasakan isu ini sebagai isu sensitif disebabkan mereka tinggal dalam kawasan penempatan yang sama serta menjalankan kehidupan secara bersama. Bahkan dalam negeri Sabah sendiri wujudnya rumah ibadat yang dibina dalam satu kawasan penempatan yang sama. Hal ini dapat dilihat melalui pembinaan surau dan gereja secara bersebelahan yang terdapat di Kampung Kauluan, Ranau. Hal ini juga merupakan lambang keharmonian antara penganut Muslim dan Kristian di Sabah (Saif @ Shaiffudin 1993 & Nur Azian 2021 et. al).

Persepsi Masyarakat Kadazandusun Kristian Terhadap Isu-Isu Sensitif Agama

Dalam bahagian ini pengkaji akan menjelaskan tentang persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian terhadap isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti agama. Penganalisisan isu-isu sensitif agama dipecahkan kepada 3 bahagian yang merangkumi isu teologi, isu etika dan juga isu sosial. Isu-isu akan diuji untuk melihat isu yang paling sensitif buat masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah berdasarkan analisis jawapan yang diberikan oleh responden.

Jadual 5: Isu-isu Teologi

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Tindakan menukar agama disebabkan oleh Perkahwinan	1(5)	1(5)	5(25)	4(20)	9(45)	3.95	1.191
2	Tindakan menghina dan mempersendakan kitab suci mana-mana agama	-	-	1(5)	6(30)	13(65)	4.60	0.598
3	Tindakan merahsiakan pertukaran agama	-	1(5)	1(5)	5(25)	13(65)	4.50	0.827
4	Simbol agama saya diganggu gugat oleh penganut agama lain	-	-	-	6(30)	14(70)	4.70	0.470

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual di atas, isu teologi paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah adalah isu simbol agama diganggu gugat oleh penganut agama lain yang terletak pada item ke-5 dalam jadual di atas. Item ini dianggap isu paling sensitif kerana mencatatkan nilai min tertinggi berbanding item lain. Isu ini dilihat apabila berlakunya pencerobohan gereja Katedral St. Francis Xavier di Keningau, Sabah oleh seorang lelaki berusia 34 tahun sehingga menyebabkan kerosakan peralatan-peralatan sembayang yang terdapat dalam gereja tersebut. Kes ini telah pun dilaporkan kepada pihak Polis (Abdul Hafiz Mustadi 2022). Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Kristian di Sabah sensitif apabila simbol agama mereka seperti gereja dan barang peralatan sembayang diganggu dan dirosakkan oleh penganut agama lain.

Manakala isu paling tidak sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah melibatkan isu menukar agama disebabkan oleh perkahwinan yang terletak pada item 1 dalam jadual di atas. Hal ini berlaku disebabkan perkahwinan campur antara agama merupakan salah satu faktor terbentuknya hubungan baik antara masyarakat beragama di Sabah serta

menyebabkan wujudnya hubungan kekeluargaan yang mempunyai anutan agama yang berbeza-beza (Budi Anto & Saidatul Nornis 2020). Malah amalan perkahwinan campur antara agama yang berlaku di Sabah juga diterima baik dalam kalangan masyarakatnya dan merupakan salah satu keunikan bagi negeri Sabah (Budi Anto et. al 2020, Suraya Sintang et.al 2015 & Nur Azian et. al 2021).

Jadual 6: Isu-isu Etika

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Tindakan menghina mana-mana agama menerusi media sosial	-	-	-	4(20)	16(80)	4.8	0.470
2	Perbuatan menuntut mayat penganut agama untuk diuruskan mengikut agama lain	-	-	2(10)	6(30)	12(60)	4.5	0.688
3	Perlaksanaan adat & budaya kaum yang bercanggah dengan ajaran agama	-	-	3(15)	6(30)	11(55)	4.40	0.754
4	Hak penjagaan anak diserahkan kepada pasangan yang menukar agama selepas bercerai	-	1(5)	5(25)	3(15)	10(50)	4.05	0.945

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual di atas, isu etika paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah adalah berkenaan dengan isu penghinaan mana-mana agama menerusi media sosial. Hal ini selaras dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Zaid et. al (2014) bahawa masyarakat Sabah melihat isu penghinaan agama sebagai isu penting yang perlu diberi perhatian. Isu penghinaan agama ini juga berlaku di Sabah, di mana terdapat segelintir pihak tidak bertanggungjawab memuat naik status menerusi akaun *Facebook* yang berunsur penghinaan terhadap agama Islam dan Kristian. Pemilik akaun tersebut telah dilaporkan kepada pihak polis untuk tindakan sewajarnya kerana mampu memecahbelahkan hubungan baik antara masyarakat beragama di Sabah (Anon 2019). Terdapat banyak lagi isu berkenaan dengan penghinaan terhadap agama yang dipaparkan di media sosial dan telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa isu penghinaan agama merupakan isu sensitif buat masyarakat Sabah.

Manakala isu paling tidak sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah melibatkan isu perlaksanaan adat dan budaya yang bercanggah dengan ajaran agama yang terletak pada item ke-4 dalam jadual di atas. Isu ini dirasakan tidak sensitif buat masyarakat disebabkan masyarakat Kadazandusun disatukan dengan adat yang sama serta mana-mana masyarakat peribumi yang melanggar hukum adat di Sabah akan dikenakan tindakan yang diputuskan oleh Mahkamah Anak Negeri yang terdapat di setiap daerah di Sabah. Hukuman yang dikenakan akan diputuskan mengikut peraturan undang-undang adat yang telah ditetapkan (Pg Ismail Pg Musa et. al 2020).

Jadual 7: Isu-Isu Sosial

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	ST		
1	Perbuatan bekerja di restoran yang menyediakan hidangan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama	-	4(20)	5(25)	5(25)	6(30)	3.65	1.137
2	Diundang untuk mengikuti jamuan yang menyajikan makanan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama	3(15)	7(35)	4(20)	2(10)	4(20)	2.85	1.387
3	Kewujudan rumah ibadat agama lain di kawasan tempat tinggal	9(45)	8(40)	1(5)	-	2(10)	1.9	1.210
4	Percampuran troli barang di Pasaraya yang menjual bahan mentah halal dan tidak halal	5(25)	5(25)	4(20)	2(10)	4(20)	2.75	1.482

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual di atas, isu sosial paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah adalah isu bekerja di restoran yang menyediakan hidangan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama yang dianuti yang terletak pada item 1. Isu tersebut dianggap sebagai isu paling sensitif buat masyarakat Kristian di Sabah kerana mencatatkan nilai min tertinggi berbanding item lain. Sebagaimana isu ini pernah berlaku apabila mufti Pulau Pinang menggessa pihak berkuasa agama Islam negeri tersebut untuk menyiasat tindakan dua orang peniaga nasi ayam Islam yang dipercaya membeli makanan (nasi ayam) tersebut daripada peniaga bukan Islam untuk dijual semula kepada pelanggan (Zuhainy Zulkifli 2022). Hal ini dianggap sensitif kerana ia tidak menghormati sensitiviti kerana terdapat unsur penipuan kepada pelanggan.


Manakala isu sosial paling tidak sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah melibatkan isu kewujudan rumah ibadat agama lain di kawasan tempat tinggal mereka yang terletak pada item ke-3 dalam jadual. Isu tersebut dianggap tidak sensitif buat masyarakat Sabah disebabkan mempunyai hubungan kekeluargaan yang mempunyai anutan agama yang berbeza. Bahkan masyarakat pembinaan rumah ibadat Muslim dan Kristian dalam satu kawasan yang sama juga wujud di negeri Sabah (Budi Anto & Saidatul 2020).

Perbezaan Isu-Isu Sensitiviti agama Antara Penganut Muslim dan Kristian di Sabah

Setiap agama mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap isu-isu boleh menyentuh sensitiviti keagamaan bagi agama yang mereka anuti. Disebabkan hal yang demikian perlunya kajian lapangan dijalankan untuk menguji isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan bagi setiap penganut agama. Hal ini kerana, perbalahan dalam kalangan penganut agama boleh berlaku sekiranya tidak wujud persefahaman antara mereka terutama dalam hal yang melibatkan isu-isu keagamaan. Justeru, dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis perbezaan di antara isu-isu sensitif agama menurut persepsi penganut agama Islam dan Kristian khususnya dalam kalangan etnik Kadazandusun di Sabah. Kajian ini juga dijalankan bagi mengetahui isu paling sensitif dan

paling tidak sensitif menurut persepsi penganut agama Islam dan Kristian di Sabah. Penganalisisan isu-isu sensitif agama tersebut akan dikelaskan kepada 3 bahagian iaitu isu teologi, isu etika dan juga isu sosial. Penganalisisan data-data tersebut juga akan dijalankan secara satu persatu agar dapat diketahui dengan lebih mendalam.

Rajah 2: Perbezaan Tahap Sensitiviti Isu-Isu Teologi Antara Muslim dan Kristian di Sabah




Sumber: Soal Selidik 2023

Gambar rajah 2 di atas menunjukkan perbezaan tahap sensitiviti masyarakat Kadazandusun Muslim dan Kristian di Sabah terhadap isu-isu teologi dengan merujuk kepada catatan nilai min. Berdasarkan rajah di atas, item yang mewakili isu menukar agama disebabkan oleh perkahwinan menunjukkan bahawa penganut agama Kristian lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Islam dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.15. Bagi item yang mewakili isu menghina dan mempersendakan kitab suci mana-mana agama pula menunjukkan bahawa kedua-dua agama sama-sama sensitif terhadap isu tersebut. Manakala bagi item yang mewakili isu berkahwin dengan pasangan berlainan agama tanpa melakukan pertukaran agama menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.2. Bagi item yang mewakili isu merahsiahkan pertukaran agama pula menunjukkan bahawa agama Kristian lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Islam dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.5. Mankala bagi item yang mewakili isu sensitif terhadap simbol agama diganggu gugat oleh penganut agama lain menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu ini berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.15.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa isu paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazansudun Muslim melibatkan isu simbol agama diganggu gugat oleh penganut agama lain serta isu berkahwin dengan pasangan berlainan agama tanpa melakukan pertukaran agama. Sedangkan isu paling sensitif menurut persepsi penganut agama Kristian melibatkan isu merahsiahkan pertukaran agama serta isu menukar agama disebabkan oleh perkahwinan. Namun kedua-dua penganut agama Islam dan Kristian melihat item yang mewakili isu menghina dan mempersendakan kitab suci mana-mana agama sebagai isu yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan jika ia dibangkitkan dan tidak dikendalikan dengan cara yang betul.

Rajah 3: Perbezaan Tahap Sensitiviti Isu-Isu Etika Antara Muslim dan Kristian di Sabah




Sumber: Soal Selidik 2023

Gambar rajah 3 di atas menunjukkan perbezaan tahap sensitiviti masyarakat Kadazandusun Muslim dan Kristian terhadap isu-isu etika dengan merujuk kepada catatan nilai min tertinggi bagi setiap item. Berdasarkan rajah di atas, bagi item yang mewakili isu menghina agama menerusi media sosial menunjukkan bahawa penganut agama Kristian lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Islam dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.1. Bagi item yang mewakili isu menuntut mayat penganut agama untuk diuruskan mengikut agama lain pula menunjukkan bahawa penganut agama Kristian lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Islam dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.25. Manakala bagi item yang mewakili isu mempersendakan ajaran agama menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.1. Bagi item yang mewakili isu perlaksanaan adat dan budaya kaum yang bercanggah dengan agama pula menunjukkan bahawa agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.05. Mankala bagi item yang mewakili isu hak penjagaan anak diserahkan kepada pasangan yang menukar agama disebabkan oleh perceraian menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu ini berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.4. Bagi item yang mewakili isu pertembungan antara adat dan agama boleh mencetuskan salah faham dalam kalangan masyarakat pula menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan nilai perbezaan min sebanyak 0.05.

Secara Keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa isu etika paling sensitif menurut persepsi panganut agama Islam di Sabah melibatkan isu mempersendakan ajaran agama, isu perlaksanaan adat dan budaya yang bercanggah dengan ajaran agama, isu hak penjagaan anak diberikan kepada pasangan yang melakukan pertukaran agama selepas bercerai serta isu pertembungan antara adat dan agama yang boleh mencetuskan salah faham dalam kalangan masyarakat. Sedangkan isu etika paling sensitif menurut persepsi penganut agama Kristian di Sabah melibatkan isu menghina mana-mana agama menerusi media sosial serta isu menuntut mayat panganut agama untuk diuruskan mengikut agama lain. Bahkan berdasarkan rajah di atas juga

pengkaji melihat masyarakat Kadazandusun Muslim lebih banyak sensitif terhadap isu-isu etika berbanding masyarakat Kadazandusun Kristian yang ditentukan berdasarkan catatan nilai min tertinggi bagi jawapan yang diberikan oleh responden Muslim dan Kristian seperti dalam rajah di atas.

Rajah 4: Perbezaan Tahap Sensitiviti Isu-Isu Sosial Antara Muslim dan Kristian di Sabah



Sumber: Soal Selidik 2023

Gambar rajah 4 di atas menunjukkan perbezaan tahap sensitiviti masyarakat Kadazandusun Muslim dan Kristian terhadap isu-isu sosial dengan merujuk kepada catatan nilai min tertinggi bagi setiap item. Berdasarkan rajah di atas, bagi item yang mewakili isu perbuatan bekerja di restoran yang menyediakan hidangan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama menunjukkan penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.35. Bagi item yang mewakili isu memenuhi undangan jamuan yang menyajikan makanan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.6. Manakala bagi item yang mewakili isu kewujudan rumah ibadat agama lain di kawasan tempat tinggal menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 0.3. mewakili isu Mankala bagi item yang mewakili isu percampuran troli barang di Pasaraya yang menjual bahan mentah yang halal dan tidak halal menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu ini berbanding penganut agama Kristian dengan kadar perbezaan nilai min sebanyak 1.5. Bagi item yang mewakili isu usaha dakwah dan misionari di kawasan tempat tinggal menunjukkan bahawa penganut agama Islam lebih sensitif terhadap isu tersebut berbanding penganut agama Kristian dengan nilai perbezaan min sebanyak 0.8.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan isu sosial paling sensitif menurut penganut agama Islam adalah berkenaan dengan isu percampuran troli barang di Pasaraya yang menjual bahan mentah halal dan tidak halal, sedangkan isu paling sensitif menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Kristian di Sabah melibatkan isu bekerja di restoran yang menyediakan hidangan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama. Bahkan pengkaji turut melihat

bahawa masyarakat Islam di Sabah lebih sensitif terhadap isu-isu sosial berbanding masyarakat Kristian. Hal ini jelas dilihat menerusi jawapan responden seperti yang dikemukakan dalam rajah 2 di atas yang jelas menunjukkan bahawa catatan nilai min bagi kesemua jawapan responden Muslim terhadap item-item soalan isu sosial adalah lebih tinggi berbanding jawapan responden Kristian. Hal tersebut jelas menunjukkan bahawa penganut agama Islam penganut agama Islam berasa sensitif apabila berhadapan dengan isu-isu sosial.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan kebolehpercayaan kajian rintis terhadap soalan isu-isu sensitiviti agama yang terdapat dalam borang soal selidik boleh dipercayai dan diteruskan untuk kajian sebenar. Namun memerlukan sedikit penambahbaikan dari segi struktur penyusunan soalan dan juga struktur ayat dalam soalan agar lebih mudah difahami oleh masyarakat Sabah. Kajian rintis ini turut mendapat terdapat perbezaan pandangan antara masyarakat Muslim dan Kristian di Sabah terhadap isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti keagamaan. Hasil awal kajian rintis menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun Muslim dan Kristian di Sabah amat sensitif apabila berhadapan dengan isu-isu berkaitan dengan isu teologi dan isu etika berbanding dengan isu-isu sosial. Kajian turut mendapat bahawa isu paling sensitif dalam konteks teologi menurut persepsi masyarakat Kadazandusun Muslim dan Kristian di Sabah melibatkan isu simbol agama diganggu gugat oleh penganut agama lain. Manakala isu paling sensitif dalam konteks etika menurut persepsi masyarakat kadazandusun Muslim dan Kristian melibatkan isu mempersendakan ajaran agama bagi agama Islam dan isu menghina agama menerusi media sosial bagi agama Kristian. Sedangkan isu paling sensitif dalam konteks sosial menurut persepsi masyarakat kadazandusun Muslim dan Kristian melibatkan isu percampuran troli barang di Pasaraya bagi penganut agama Islam dan isu bekerja di restoran yang menjual makanan dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam agama bagi penganut agama Kristian. Diharapkan dapatkan kajian yang diperolehi dapat membantu dalam memberikan pengetahuan buat masyarakat untuk sama-sama menjaga dan menghormati sensitiviti setiap agama agar hubungan baik yang terbentuk dalam kalangan masyarakat beragama sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan harmoni tanpa berlakunya perbalahan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada geran penyelidikan PP 2023-015 amalan pengurusan isu-isu keharmonian agensi beragama menurut agensi Islam Malaysia dan Brunei.

RUJUKAN

- Abd Hakim Mohad, Yusten Karulus, Saini Ag Damit, Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. (2015). *Memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah: Pasca Isu larangan menggunakan kalimah Allah*. Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21 Century. Hlm: 515-527.
- Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Mufidah Binti Ruji Juman. (2018). Peranan NGO Islam di Sabah dalam memupuk perpaduan masyarakat: satu tinjauan awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Hlm:97-108.

- Abdul Hafiz Mustadi. 2022. Polis tahan lelakSeuai ceroboh dan rosakkan gereja di Keningau. *Astro Awani*. [https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-ceroboh-dan-rosakkan-gereja-di-keningau-370075?amp_=](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-ceroboh-dan-rosakkan-gereja-di-keningau-370075?amp_) [29 April 2022].
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Darshan Singh, Abdul Hakim Mohad dan Ridzuan Firdaus @ Agus Payong. 2017. *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Sabah, Malaysia*. Pembiayaan Geran Penyelidikan: Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Anon. 2009. *Musa: Tawaran tempatkan semula patung Mazu kekal*. Malaysiakini. <https://m.malaysiakini.com/news/138484> [26 April 2024].
- Anon. 2019. *PAS tawau mohon maaf bantah sambutan Krismas dan Tahun Baru*. MiloSuam.net. <https://www.milosuam.net/2019/01/pas-tawau-mohon-maaf-bantah-sambutan.html?m=1> [18 April 2023].
- Anon. 2019. *Hina Islam: Belia Usia di Sabah lapor Polis*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/15101/edisi/sabah-sarawak/hina-islam-belia-usia-di-sabah-lapor-polis> [23 April 2023].
- Anon. 2019. *Hina Nabi: perlu tindakan di bawah Akta Hasutan*. Harakahdaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2019/07/27/hina-nabi-perlu-tindakan-di-bawah-akta-hasutan/> [29 April 2024].
- Anon. 2022. *Pelawak wanita mengaku hafal al-Quran buka baju atas pentas, Shahrol Shiro kutuk content hina Islam*. Mstar. <https://www.mstar.com.my/spotlight/sensai/2022/07/09/pelawak-wanita-mengaku-hafal-al-Quran-buka-baju-atas-pentas-content-hina-islam>. [28 April 2023].
- Arif Razali. 2021. *Pasar Raya perlu sensitif keperluan pelbagai agama*. Sabah News [26 April 2023].
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur dalam kalangan masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(9): 149-162.
- Chua, Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Chua, Yan Piaw. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGrawHill.
- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewi Nur Harasha Alias. 2021. *Polis tahan wanita didakwa hina laungan azan*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-wanita-didakwa-hina-laungan-azan- 305904> [24 April 2023].
- Farouq Johari. 2015. *Rangkuman penuh isu salib gereja Taman Medan yang dikecam rakyat Malaysia*. Says. <https://says.com.my/seismik/rangkuman-penuh-isu-salib-gereja-taman-medan-yang-dikecam-rakyat-Malaysia> [20 April 2023].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. *Current Population estimates, Malaysia, 2021*. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OVByWjg5YkQ3MWFZTN5bDJiaEVhZzo9> [20 April 2023].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2021*. www.dosm.gov.my [20 MAC 2023].
- Kntayya Mariappa & Paul Porodong. 2012. *Murut Dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Haris Fadli Mohd Fadzli. 2021. *Dakwaan azan subuh ganggu tidur, ADUN buat laporan polis*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/145202/BERITA/Semasa/Dakwaan-azan-subuh-ganggu-tidur-ADUN-buat-laporan-polis> [20 APRIL 2023].

- Mohd Izzatul Izuan Tahir. 2021. *Isu azan: penduduk mengadu surau tak dibenarkan guna pembesar suara.* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/134641/EDISI/Isu-azan-penduduk-mengadu-surau-tak-dibenarkan-guna-pembesar-suara> [21 April 2023].
- Muhiddin Yusin 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nazmi Abd Halim, Jaffary Awang & Muhammad Helmy bin Abdul Gapar. 2016. Tahap pengetahuan rakyat Malaysia terhadap asas-asas dominan di Malaysia: kajian lapangan di negeri Kedah & Selangor. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Edisi Khas: Konvensyen UMS ke-18.
- Nur Azian Aratin, Nur Farhana Abdul Rahman & Jaffary Awang. (2021). Social interaction Pattern in Muslim-Christian Relation in Ranau, Sabah. *International Journal of Business and Social Science*. 12(5): 40-47.
- Nur Azian Aratin, Nur Farhana Abdul Rahman & Jaffary Awang. 2021. Social Interaction Pattern in Muslim-Christian Relation in Ranau, Sabah. *International Journal of Business and Social Science*. Vol 12 (5): 40-47.
- Nur Mohammad Hadi Zahalan. 2020. *Remaja sekarang semakin sesat persenda nama Allah, nabi dan malaikat untuk bergurau*. Mstar. <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2020/09/07/remaja-sekarang-semakin-sesat-persenda-nama-allah-nabi-dan-malaikat-untuk-bergurau-elaklah-menjadi-kufur>. [28 April 2023].
- Nurul Hidayah Hamid. 2019. *Asing Troli barang halal, tak halal di pasar raya: PPMM*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/55593> [29 April 2023].
- Nurul Amanina Suhaini. 2017. *PAS buat laporan polis ke atas Siti Kassim*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/09/330476/pas-buat-laporan-polis-ke-atas-siti-kassim> [27 April 2023].
- Norazlinaha. 2021. *Jangan Perbesarkan isu pengasingan Troli Barang di Pasaraya*. Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/06/14/jangan-perbesarkan-isu-pengasingan-troli-barang-di-pasaraya> [29 April 2023]
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. (2018). Amalan sogit ke atas anak negeri Sabah beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian perspektif hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*: Universiti of Malaya. Bil.19: 1-17.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. (2020). Undang-undang perlanggaran adat di Mahkamah Anak Negeri: Konflik pemakaianya terhadap orang Islam dalam kerangka perundangan plural di Sabah. *E-journal of Islamic Thought and Understanding*: Universiti of Malaya. Volume 1: 71-87.
- Saif @ Sahaiffuddin Hj Daud. 1993. *Tranformasi Sosial Menerusi Islamisasi: Satu Kajian Kes di Kalangan Orang Dusun/Kadazan di Ranau Sabah*. Fakulti Sains Pembangunan: Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2020). *Pengaruh budaya dalam keharmonian etnik di Sabah*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hlm: 62-68.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 2015. *Konflik Perpaduan Kaum dalam ketamadunan masyarakat Melayu Malaysia*. Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Hlm:718-723.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 2015. *Sensitiviti agama dalam hubungan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia*. Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Hlm:17-22.
- Suraya Sintang. 2003. Penganutan Agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*. Bil 18. Hlm: 59-80.

- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd Tamring. 2015. *Menjana Keharmonian Melalui Kahwin Campur: Kajian Kes di daerah Keningau*. Laporan Kajian Geran SBK0113-SS-2013 UMS.
- Wan Hashim Wan The & Ismail Hamid. 1998. *Nilai Dan Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 43-57.
- Yap Siong Han. 2021. *Pasar raya perlu sensitif keperluan pelbagai agama*. Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/06/07/pasar-raya-perlu-sensitif-keperluan-pelbagai-agama> [22 April 2023].
- Zaid Ah,ad, Ahmad Tarmizi Talib, Nur Ayunni Mohd Isa, GillS.S, Jayam Jawan & Abd Hakim Mohad. 2014. *Kertas kerja regional seminar on Da'wah and Ethnicity, Multidisiplinary Perspective*. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli & Peribumi UKM, University Malaysia Sabah: 20-21 November.
- Zulhairny Zulkiffli. 2022. *Beli nasi ayam peniaga bukan Islam, jual kepada pelanggan Islam*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/988862/beli-nasi-ayam-peniaga-bukan-islam-jual-kepada-pelanggan-islam> [29 April 2023].